



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 5 / 2023

## KEMERIAHAN SAMBUTAN MALAM 7 LIKUR SEMPENA IFTAR@KL 2023

**KUALA LUMPUR, 15 April 2023** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan program Iftar @ KL kepada para pengunjung pada 15 dan 16 April 2023 bertempat di Jalan Raja, Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Sambutan Iftar@KL ini telah mula dilaksanakan pada 8 dan 9 April 2023 yang lepas.

Pelaksanaan program pada tahun ini merupakan penganjuran kali ke-11 oleh JKKN yang telah bermula sejak tahun 2012. Uniknya Iftar @ KL ini adalah berkonsepkan berbuka puasa secara duduk bersila beralaskan tikar dan dihadiri oleh pengunjung termasuk pelancong asing.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengimarahkan dan memakmurkan Ramadan sebagai bulan ibadah dan keprihatinan sesama insan melalui pengisian aktiviti, merapatkan dan mengeratkan silaturrahim serta toleransi antara kaum menerusi program dan aktiviti bagi menyemarakkan kebudayaan dan kesenian Islam kepada pelancong

tempatan dan antarabangsa menerusi Program Pelancongan Budaya (*Culture Tourism*).

Iftar @ KL yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan anjuran bersama rakan strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Seni Budaya Putra serta disokong oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara rakan penganjur dalam pelaksanaan Iftar @ KL pada tahun ini adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat (PPZ), *Kuala Lumpur Food Truck Entrepreneurs Association*, Masjid Jamek Kampong Bharu, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada tahun ini, Iftar @ KL telah mendapat sokongan dari syarikat korporat iaitu Radio Suria FM dan penajaan dari syarikat-syarikat terkenal iaitu Syarikat Minuman F&N, Al-Ikhlas.Com, UOB Bank Sdn. Bhd., Syarikat Faiza Sdn. Bhd., dan Alam Flora Sdn. Bhd.

Antara pengisian paling menarik pada hari ini adalah Majlis Pelancaran Malam 7 Likur yang mana ia menjadi tradisi masyarakat Melayu memasang lampu pelita menjelang penghujung Ramadan. Perkataan 7 likur itu bermaksud malam yang ke-27 dalam bulan Ramadan. Likur itu sendiri membawa maksud antara malam 20 hingga 30. Ia merupakan amalan dan warisan daripada bangsa Melayu sendiri dan tiada dinyatakan dalam Islam. Ia diwujudkan untuk meraikan 10 malam terakhir pada bulan Ramadan. Selain pengisian – pengisian menarik yang lain

seperti Majlis Berbuka Puasa, Penyediaan dan Pengagihan Bubur Lambuk, Solat Berjemaah, Tadarus Al-Quran, Tazkirah Ramadan, Bicara Ramadan oleh Ceramah Perdana, Perkhidmatan Sukarelawan, Kaunter sumbangan, Kaunter Zakat Fitrah dan Jualan Makanan *Food Truck*.

Majlis Pelancaran Malam 7 Likur diselaraskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Simbolik pelancaran ialah tetamu kenamaan menyalakan Pelita Panjut Gergasi 5 Sumbu di Dataran Merdeka sebagai simbolik pelancaran Malam 7 Likur @ Dataran Merdeka. Pelita Panjut Gergasi 5 Sumbu ini berukuran 20 kaki panjang dikelilingi dengan 100 buah pelita kecil akan mula dinyalakan mulai 15 April 2023 sehingga jam 12 malam pada 20 April 2023 untuk memeriahkan dan mewarnai suasana pada waktu malam di Kuala Lumpur serta sebagai menandakan kegembiraan warga kota menyambut kedatangan Aidilfitri di samping memberi pengalaman unik kepada pelancong asing .

Iftar @ KL yang dilaksanakan oleh JKKN ini adalah salah satu kaedah pendekatan dan penerapan nilai kerohanian melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian kepada masyarakat. Selain memberi ruang dan peluang kepada rakyat menjana pendapatan melalui acara sebegini demi kesejahteraan hidup mereka. Malah ia juga merupakan tanggungjawab sosial Kementerian ini ke arah mencerminkan kerajaan Madani demi kesejahteraan rakyat.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN iaitu myesenibudaya dengan pautan [www.facebook.com/myesenibudaya](https://www.facebook.com/myesenibudaya).

## -TAMAT-

### Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

**Website:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **Email:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

### Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

### Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200	Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:nikfadly@jkkn.gov.my">nikfadly@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 013-382 2115
---	---